

**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA**

**LEBUHRAYA KLK SIAP SEDIA SEPENUHNYA BAGI PELAKSANAAN RFID
MULAI 1 JANUARI 2020**

KUALA LUMPUR, 31 Disember 2019 – Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) sudah bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan kutipan tol menggunakan teknologi RFID di Plaza Tol Gombak dan Plaza Tol Bentong , mulai 1 Januari 2020.

Justeru, pengendali Lebuhraya KLK, ANIH Berhad menjangkakan kira-kira 10,000 transaksi RFID sehari bakal direkodkan di dua plaza tol berkenaan pada tahun pertama pelancarannya berbanding 5,000 transaksi RFID sehari yang dicapai dalam tempoh percubaan bagi pelaksanaan projek perintis sistem berkenaan. Ini sekali gus dilihat membuka lembaran baharu ke arah membantu melancarkan lagi aliran trafik di dua plaza tol berkenaan.

Pengarah Eksekutif ANIH Berhad, Dato' Nik Fauzi Tan Sri Nik Hussein berkata, persediaan rapi telah dibuat sejak awal lagi untuk memastikan laluan yang dilengkapi mod bayaran RFID di Plaza Tol Gombak dan Plaza Tol Bentong bersedia dengan sistem kutipan baharu itu.

“Pelaksanaan kutipan tol menerusi mod RFID di Plaza Tol Gombak dan Plaza Tol Bentong, Lebuhraya KLK ini selaras dengan sokongan kami ke arah pelaksanaan Sistem Kutipan Tol Tanpa Henti (Multi Lane Free Flow (MLFF) di lebuhraya yang merupakan aspirasi Kerajaan ke arah meningkatkan kualiti khidmat bayaran tol untuk pengguna di masa hadapan,” katanya dalam satu kenyataan media.

Bermula 1 Januari ini, kaedah pembayaran tol menerusi mod RFID hanya ditawarkan di 62 buah plaza tol di lebuh raya utama negara yang menggunakan kaedah sistem tol terbuka. Plaza Tol Gombak dan Plaza Tol Bentong, Lebuh raya KLK adalah satu daripadanya. Sebagai permulaan, mod pembayaran terbaharu ini akan ditawarkan hanya kepada Kenderaan Kelas 1 sebelum ia dijangka diperluaskan kepada kenderaan kategori lain sebelum akhir tahun 2020.

Kutipan tol menerusi RFID di Lebuh raya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), iaitu sebuah lagi lebuh raya kendalian ANIH Berhad yang menggunakan kaedah sistem tol tertutup pula dijangka dilaksanakan pada suku kedua 2020.

Sistem tol terbuka bermaksud bayaran dibuat di plaza tol yang dilalui pengguna, manakala sistem tol tertutup ialah sistem tol masuk dan keluar dengan bayaran dibuat mengikut jarak laluan dan dibayar semasa keluar sahaja.

RFID akan menjadi kaedah baharu pembayaran tol secara elektronik di Plaza Tol Gombak dan Plaza Tol Bentong di samping mod pembayaran sedia ada iaitu menerusi kad Touch n Go (TNG) dan SmartTAG bagi memberi kemudahan yang lebih baik kepada para pengguna lebuh raya.

Ia menggunakan pelekat RFID yang mempunyai chip frekuensi radio khas dan dipasang sama ada pada cermin depan atau bahagian lampu utama kenderaan, dan setiap satunya hanya khusus untuk kegunaan satu kenderaan.

Ketika melalui tol, pengimbas akan membaca frekuensi radio dari pelekat RFID berkenaan untuk mengenakan bayaran tol serta mengangkat palang. Pelekat berkenaan akan dihubungkan terus kepada aplikasi TNG eWallet yang bertindak sebagai penyimpan nilai semasa wang pengguna bagi tujuan bayaran tol. Aplikasi eWallet TNG ini memberikan kemudahan kepada pengguna untuk memantau baki eWallet mereka dan menambah nilai secara dalam talian. Ini akan memudahkan orang ramai membuat tambah nilai tanpa perlu ke pusat khidmat pelanggan atau lokasi tambah nilai tanpa caj tambahan.

Buat masa ini, Plaza Tol Gombak dan Plaza Tol Bentong telah menyediakan satu lorong RFID untuk setiap arah perjalanan (barat dan timur).

Sebagai pengendali lebuhraya antara yang paling sibuk di negara ini, Dato' Nik Fauzi berkata, ANIH Berhad turut memastikan kesemua kakitangannya di dua plaza tol berkenaan bersedia untuk berdepan dengan segala kemungkinan bagi membantu pengguna membuat bayaran dengan penggunaan teknologi RFID ini.

"Lebuhraya KLK merupakan lebuhraya utama yang menghubungkan ibu negara dengan negeri-negeri di pantai timur dan ia akan menjadi sesak terutamanya pada musim cuti sekolah dan musim perayaan.

"Mengambil contoh pada perayaan Tahun Baru Cina yang lepas, purata harian pengguna di Lebuhraya KLK pada waktu puncak meningkat sebanyak 73 peratus kepada 159,010 buah kenderaan sehari berbanding sejumlah 91,923 buah kenderaan pada hari biasa.

"Bagi mempersiapkan syarikat untuk berdepan peningkatan jumlah kepadatan kenderaan di lebuhraya serta untuk menyenangkan pengguna membuat transaksi pembayaran tol, syarikat melihat pelaksanaan RFID ini tepat pada masanya kerana ia boleh membantu mempercepatkan lagi proses bayaran tol seterusnya mengurangkan kesesakan di Plaza Tol Gombak dan Bentong, khususnya pada musim perayaan," katanya.

Dato' Nik Fauzi berkata untuk tempoh percubaan bagi projek perintis RFID sehingga 31 Disember 2019, syarikat telah merekodkan sejumlah 151,238 pengguna RFID di Lebuhraya KLK dan menjangka jumlah tersebut akan meningkat sejajar dengan peningkatan maklumbalas positif kesan daripada faedah yang ditawarkan menerusi mod RFID.

-Tamat-

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuhraya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan
fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my
2. Ahmad Farizal Abdul Hajar, Pengurus, Komunikasi Korporat Kumpulan
farizal.hajar@mtdgroup.com.my
3. Sofia Roseli, Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat Kumpulan
sofia.roseli@mtdgroup.com.my

**Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan
Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6187 5055 Website : www.mtdgroup.com.my